

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 18.

BANDAR BRUNEI, RABU, 21 SEPTEMBER, 1960 (30 Rabiawal, 1380)

PERCHUMA

SELUROH BRUNEI MERAYAKAN HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M.

DERGAHAYU DULI YANG MAHA MULIA TUANKU

BANDAR BRUNEI — Pada 23 September ini penduduk2 Brunei di-seluruh negeri akan menyambut hari keputeraan ke-44 Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dengan menguchapkan "Dergahayu Duli Tuanku."

Hari tersebut telah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan am di-seluruh negeri. Pejabat2 Kerajaan dan sharikat2 akan di-tutup untuk memberi kesempatan kepada kaki tangan mengambil bahagian dalam perayaan2 yang telah di-ranchangkan.

Istiadat hari keputeraan itu akan di-mulakan dengan barisan kehormatan Diraja di-pang-pang besar, Bandar Brunei yang akan di-adakan pada pukul 7.30 pagi.

Dalam istiadat itu pasokan2 sukarela dan kakitangan2 pejabat2 yang beruniform akan berbaris dengan pasokan Polis dan pancharagam Polis Brunei.

Perbarisan itu akan di-saksikan oleh pegawai2 tinggi kerajaan dan ra'ayat yang di-jangka akan memenohi sesak tempat2 yang akan di-sediakan di-sekitar palang perbarisan.

PERBARISAN

Istiadat perbarisan itu akan di-saksikan juga oleh Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Inche Yusof bin Ishak dan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew.

Inche Yusof akan di-beri tabek kehormatan Diraja oleh perbarisan.

Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White yang telah balek memegang jawatan-nya sa-telah berchuti di-United Kingdom akan juga mendapat tabek kehormatan Diraja sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Duli Yang Maha Mulia akan sampai di-padang tepat pada pukul 8.15 untuk memereksa per-

barisan dan menerima tabek kehormatan Diraja.

Istiadat perbarisan itu akan di-tamatkan dengan tiga kali tembakan kehormatan Diraja dan tembakan meriam 21 das.

Sa-telah selesai istiadat perbarisan di-padang, istiadat mengadap pula akan di-langsungkan di-Balai Indra Buana, Istana Darul Hana.

Dalam istiadat itu wakil2 kaum, puak, persatuan dan lain2 akan di-beri kesempatan menyembahkan ucapan2 tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia.

Beberapa orang ra'ayat yang telah berjasa kepada Raja dan negara mereka akan di-anugerahkan pingat dan bintang2 kebesaran.

Duli Yang Maha Mulia telah menduduki takhta kerajaan dengan adil dan saksama semenjak 31 May, 1951 sa-telah menggantikan paduka kakanda baginda yang telah mangkat.

PERMERENTAHAN

Di-bawah pemerintahan baginda negeri ini telah berjalan dengan maju dari tahun demi ka-tahun dalam usaha-nya membentok sa-buah kerajaan sa-chara demokrasi.

Pada 29 September tahun lalu,

ia-itu sa-minggu sa-telah menyambut hari keputeraan baginda yang ke-43, baginda telah menanda tangani Perlembagaan Negeri Brunei yang menjamin antara lain pemerentahan dengan perwakilan ra'ayat.

ULANG TAHUN

Ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-sambut dengan meriah oleh ra'ayat baginda di-mana jua mereka berada.

Istiadat2 perbarisan yang sa-akan2 sama saperti yang di-adakan di-Bandar Brunei akan di-langsungkan di-Kuala Belait dan Tutong pada hari itu.

Berbagai2 permainan dan pertandingan akan di-adakan pada siang dan malam hari sa-lama tempoh yang telah di-tetapkan.

Permainan2 itu termasuklah panchak silat, lumba perahu, malam aneka warna, peraduan bola sepak dan lain2 yang telah di-ranchangkan oleh berbagai2 jawatan kuasa sambutan hari keputeraan.

3 TETAMU DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI.—Beberapa orang kenamaan dari Persekutuan Tanah Melayu akan sampai di-Brunei minggu ini kerana menghadhiri istiadat hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei pada 23 Sept.

Antara mereka itu ia-lah Pandita Za'ba (Tuan Haji Zainal Abidin bin Ahmad) dan Dato Haji Mohd. Noh Speaker Dewan Perwakilan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu.

Dato Osman bin Talib, Pengerusi Lembaga Lestrik Persekutuan ia-lah sa-orang sahabat baginda yang di-jangka juga datang ka-Brunei.

Pandita Za'ba bekas ketua Pejabat Pengajian Melayu di-University of Malaya, Singapura, ia-lah sa-orang pengarang Melayu yang terkenal.

Beliau telah mengarang beberapa buah buku yang telah diterima oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan untuk dijadikan buku2 bacaan am.



Duli Yang Maha Mulia.

Lawatan kapal perang British

BANDAR BRUNEI — Kapal perang British H.M.S. Alert di-jangka akan melawat ka-Brunei sa-lama tiga hari mulai 24 September.

Beberapa pertandingan sukan akan di-adakan antara pasokan2 tempatan dengan pasokan2 yang terdiri dari pegawai2 dan anak2 kapal perang Alert itu.

4 penuntut ka-U. K. atas belanja sendiri

BANDAR BRUNEI — Empat orang penuntut2 dari Brunei telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada hari Ithnin yang lalu untuk melanjutkan pelajaran masing2 dengan perbelanjaan sendiri.

Mereka ia-lah Abdul Latif bin Abdul Hamid, Abu Bakar bin Haji Ahmad, Mohamed Hassan bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha dan saudara-nya Hurairah bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha.

Semua-nya ia-lah bekas penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei. Terlebih dahulu mereka telah belajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

MEREKA BERAZAM

Hurairah yang muda sa-kali berumur 16 tahun berazam hendak menjadi sa-orang doktor.

Mohamed Hassan, berumur 18 tahun, akan mempelajari ilmu ekonomi.


Abdul Latif, berumur 20 tahun pula, berchita2 hendak menjadi sa-orang peguam.

Sa-orang lagi penuntut tersebut, Abu Bakar, berumur 20 tahun hendak mempelajari ilmu ekonomi sa-bagaimana Mohamed Hassan.

Mereka akan tinggal di-England sa-lama kira2 enam tahun.

Sa-belum melanjutkan pelajaran masing2 ka-university2 untuk mempelajari ilmu2 tersebut,

mereka akan mulai belajar di-sekolah2 yang di-bawah ini.



Lagu kebangsaan Brunei mula di-ajarkan hampir 10 tahun dahulu

Lagu kebangsaan Brunei yang selalu di-mainkan di-istiadat2 rasmi di-negeri Brunei telah di-akui sa-chara rasmi dalam tahun 1951 ia-itu sa-lepas Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-mahkotakan sa-bagai Sultan pada 31 May, 1951 bagi menggantikan paduka kanda-nya, Al-merhum Sultan Sir Ahmad Tajuddin.

Sa-belum ujud lagu kebangsaan itu Nobat Diraja telah di-gunakan dengan lagu2 yang sa-suai di-istiadat2 rasmi dan juga di-majlis2 yang di-hadhiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Wazir2 dan Pengiran2 yang berteras.

Pada masa sekarang Nobat Diraja ini hanya di-mainkan di-majlis2 Diraja sahaja.

Dalam tahun 1947 sa-kumpulan pemuda2 telah memutuskan bahawa negara mereka patut-lah mempunyai lagu kebangsaan-nya sendiri saperti negara2 lain yang moden. Mereka telah memilih dua orang dari kumpulan itu

untuk menggubah lagu serta menyusun senikata-nya sa-kali dan dari usaha mereka berdua itu lagu kebangsaan yang ada sekarang ini telah ujud.

BERISTIADAT

Lagu kebangsaan ini sekarang di-mainkan di-segenap pelusuk negeri ini di-dalam semua majlis2 yang beristiadat.

Penggubah lagu-nya ia-lah Inche Awang Besar bin Sagap dan penyusun senikata-nya ia-lah Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Sa-belum mendapat akuan, lagu kebangsaan itu telah menempoh berbagai2 perubahan melaluj usaha beberapa orang guru2 Melayu, khas-nya Inche Mohamed Som bin Hashim, orang yang pertama sa-kali mengenalkan lagu itu kepada murid2 sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei.

Usaha mengenalkan lagu itu telah merebak dengan chepat-nya kerana tidak beberapa lama sa-telah itu guru2 Melayu yang lain pula telah mengajarkannya kepada murid2 mereka di-sekolah masing2 di-seluruh Negeri Brunei. Dalam tempoh beberapa minggu sahaja kebanyakan murid2 sekolah telah pandai menyanyikan lagu kebangsaan itu dengan senikata-nya sa-kali.

"HANGTUAH" NA' MUNCHUL DI-CIVIC CENTRE

BANDAR BRUNEI — Laksamana Hang Tuah, Megat Seri Rama dan Megat Alang Dilaut ia-lah di-antara beberapa orang yang akan munchol di-atas pentas di-Padang Bandar Brunei pada malam 23 September.

Mereka akan bertanding dalam pertandingan pakaian beragam, sa-bagai salah satu chara sambutan hri ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-bandar ini.

Orang ramai yang ingin mengetahui siapa-kah yang akan menjelma sa-bagai Hang Tuah dan dua orang Megat yang mashhor pada zaman purbakala itu dapat-lah menyaksikan mereka di-Padang Bandar Brunei pada malam tersebut.

Lagu kebangsaan itu telah diberi penghormatan yang sama dengan lagu kebangsaan British, "God Save the King" yang juga di-mainkan di-istiadat2 tersebut.

Pengiti'rafan Diraja atas lagu kebangsaan itu telah di-dapati tidak berapa lama kemudian-nya apabila Almerhum Sultan Sir Ahmad Tajuddin menghadhiri sa-tu istiadat menaikkan bendera pada hari ulang tahun Barisan Pemuda Brunei yang telah diadakan di-Bandar Brunei dalam tahun 1947.

Di-istiadat ini baginda telah menaikkan bendera barisan tersebut dengan di-iringi oleh lagu yang asal-nya di-gubah oleh Inche Awang Besar bin Sagap itu. *Ya, Allah lanjutkan usia, Duli Tuanku Yang Maha Mulia, Adil berdaulat menaungi nosa, Memimpin ra'ayat kekal bahagia; Hidup sentosa negara dan Sultan, Ilahi selamatkan Brunei Darussalam.*

PERLAWANAN CRICKET

SERIA — Brunei Sports Club telah sa-kali lagi mengalahkan Panaga Club dalam satu perlawanan kriket di-Padang Panaga Club baharu2 ini dengan 113 lari berbalas 80 lari.

Mustapha telah memberi kemenangan kepada Brunei Sports Club dengan 33 lari, Gamalatge 28 lari, Johnson 18 lari dan Sulaiman 16 lari.

Orang yang mendapat lari yang banyak sa-kali bagi pehak Panaga Club ia-lah C.L. Byrne. Ia telah mendapat 29 lari.

Kemenangan Sports Club

SERIA — Brunei Sports Club telah mengalahkan Shell Recreation Club dengan tiga gol tidak berbalas dalam pertandingan piala perak Gwyn Roberts di-Seria baharu2 ini.

Norman Vowles telah menjaringkan dua gol, manakala Devraj satu gol bagi pasukan Brunei Sports Club.



Penuntut2 Brunei di-Mesir telah menyertai perayaan ulang tahun kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang di-adakan di-Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu di-Kaherah baharu2 ini. Mereka itu telah bergambar dengan Duta Besar Persekutuan di-Mesir, Inche Ghazali bin Haji Jawi.

Sa-bagai membalas penghormatan daripada Inche Ghazali, penuntut2 itu telah menjemput Duta Besar itu menghadhiri Majlis puja usia Duli Yang Maha Mulia yang akan mereka adakan dalam minggu ini.

Sa-lain dari warga negara Malaya di-Mesir penuntut2 Islam dari Indonesia, Siam dan Filipina telah di-undang untuk datang ka-majlis tersebut.

Champoran makanan yang baik bagi ayam

BANDAR BRUNEI — Pelita Brunei telah memuatkan beberapa karangan Tuan A. K. Sundram, Pegawai Haiwan Negeri Brunei tentang cara2 menternak ayam.

Dalam renchana-nya yang penghabisan ini Tuan Sundram memberi champoran barang2 makanan yang harus di-beri kepada ayam yang di-bahagikan kepada tiga-peringkat ia-itu anak ayam, ayam besar dan ibu ayam.

Biji2 itu sedap rasa-nya dan menjadi kesukaan ayam. Makanan yang baik sa-kali bagi ayam2 yang besar itu ia-lah biji2 daripada benda2 yang tersebut sa-kira-nya ayam itu di-beri makanan daripada gandum dan makanan champoran.

Tetapi makanan yang mengandungi biji2 tersebut sahaja tidak saimbang untuk memberi hasil daging dan telur yang baik dan in2 makanan ada-lah mustahak di-beri untuk mengelakkan daripada sa-barang kekurangan.

Tetapi sa-kira-nya ayam yang di-pelihara itu tidak banyak dan jenis ayam kampung yang di-pelihara sa-chara bebas pula, padi sahaja memadai.

Makanan champoran yang kering.

Makanan champoran yang kering sangat di-sukai dan banyak di-gunakan. Ke-chuali champoran tidak mengandungi benda2 yang kotor dan tidak kembang sangat apabila kena ayer, makanan saperti ini di-sukai oleh ayam.

Makanan champoran yang basah.

Jika makanan champoran itu tidak berapa sedap, sa-baik2-nya makanan itu di-beri sa-masa basah khas-nya jika makanan itu mengandungi banyak sekam. Ayer hendak-lah chukup di-champorkan supaya makanan itu lembab keadaan-nya dan melekat apabila jatoh di-atas sa-suatu tempat.

Makanan yang di-jadikan biji2 yang keras.

Makanan saperti ini telah banyak di-gunakan di-negeri2 barat. Biji2 itu mengandungi semua champoran dan zat2 yang mustahak. Biji2 itu hendak-lah di-telan dan yang demikian ayam2 itu tidak dapat memileh.

Jika harga-nya berpatutan makanan biji saperti ini ia-lah makanan yang baik sa-kali.

Makanan yang biasa di-beri kepada ayam.

Champoran	A.	B.	C.
Beras hanchor	20	33	20
Jagong (tepong)	22	23	22
Bran	23	20	23
Susu tepong	15	—	—
Tepong ikan	15	10	10
Kachang atau keping	—	—	—
Kachang soya	—	10	20
Ragi kering	3	—	—
Garam	1	1	1
Tepong kulit lokan	—	2	3
Minyak ikan cod	1	1	1

A — Anak ayam 0-9 minggu.
B — Ayam besar 12-22 minggu.
C — Ibu ayam.

Anak ayam sa-hingga umornya 9 minggu hendak-lah di-beri makanan anak ayam sahaja. Dari umur-nya 9 minggu hingga 12 minggu makanan itu hendak-lah di-ubah sa-chara beransor2 kepada makanan ayam besar supaya ayam itu suka kelak makan makanan biji.

Apabila umur-nya sampai satakut ini ayam itu hendak-lah di-beri pasir dan kulit lokan yang telah di-hanchorkan. Apabila umur-nya meningkat ka-14 minggu boleh-lah ayam itu di-beri beras hanchor atau jagong sa-bagai makanan petang hari.

Perubahan makanan dari makanan ayam besar kepada makanan ibu ayam hendak-lah dilakukan sa-chara beransor2 ia-itu apabila kebanyakan ayam2 betina itu mula kelihatan merah warna balong dan pial-nya.

Dalam kebanyakan rumah, biasa-nya di-dapati serba sedikit remah, sayor2an, tulang dan kepala ikan dan lain2 yang terbuang sa-lepas makan.

Benda2 itu semua-nya boleh di-jadikan makanan yang baik tetapi hendak-lah di-jaga supaya jangan benda2 itu di-berikan sa-telah ia busok kerana makanan yang busok atau telah basi itu sangat mebahaya kepada ayam.

Jika benda2 yang berlebeh dari makanan itu di-dapati sangat lembek, sekam baik di-champorkan supaya ia kering sedikit. Oleh sebab barang2 makanan yang berlebeh itu mengandungi zat2 yang baik, barang2 itu sangat baik di-berikan kepada ayam.

Hampas kelapa baik di-berikan kepada ayam tetapi hendak-lah di-jaga supaya ayam yang bertelur tidak di-beri hampas itu terlalu banyak kerana jika terlalu banyak ayam itu akan menjadi terlalu gemok dan hasil telur-nya akan kurang.

Makanan yang basah lebeh baik di-berikan pada pagi dan tengah hari.

SETIAUSAHA URUSKAN JADUAL LAWATAN



Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Umar, Setia Usaha Kerajaan Brunei, telah berlepas ka-Singapura pada 14 September ini untuk berunding dengan pihak yang berkenaan di-Singapura berhubung dengan jadual lawatan rasmi Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Inche Mohamed Yusof bin Ishak ka-Brunei dari 21 Sept. hingga 25 Sept.

GURU BERJALAN KAKI 7 BATU MENGAJAR MURID2

BANDAR BRUNEI — Persatuan Guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu majlis jamaan teh di-sekolah Raja Isteri Fatimah di-sini baharu2 ini kerana menguchapkan selamat bersara kepada dua orang rakan sa-jawat mereka, Pengiran Metali bin Pengiran Abdul Kahar dan Tuan Haji Ja'afar bin Maun.

Majlis itu telah di-hadiri oleh kira2 200 orang tetamu, termasuk Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji.

Pengiran Metali dan Tuan Haji Ja'afar telah berkhidmat sa-bagai guru lebeh dari 30 tahun dan telah mengalami berbagai2 kesusahan dalam usaha memperkembangkan pelajaran Melayu di-negeri ini.

Sekolah2 pada masa merka itu belajar tidak mempunyai bangunan2 batu yang moden saperti yang di-dapati sekarang.

Bukan sahaja sekolah2 pada masa itu tidak banyak bilangan-nya tetapi keadaan-nya sangat menyedihkan.

"Sekolah yang pertama itu bertempat di-mesjid. Mesjid itu pun burok, bukan-nya saperti mesjid yang ada sekarang ini" kata Pengiran Metali.

Sa-lepas itu sekolah itu berpindah pula ka-sabua rumah kedai. Itu pun burok juga keadaan-nya.

TAMAT SEKOLAH

Sa-telah tamat mereka itu di-pilih menjadi guru pelateh.

"Sa-bagai guru-lah kami menderita terutama jika mendapat perintah berpindah dari sa-buah sekolah ka-sabua sekolah lain," kata Tuan Haji Ja'afar.

Ini ada-lah di-sebabkan oleh perhubungan jalan pada masa itu sangat susah.

Guru2 itu telah juga menceritakan ketabahan mereka memikul tanggung jawab guru

mendidek anak2 dengan tidak menghiraukan kesusahan kepada diri mereka.

"Kami pergi ka-Kilanas tiap2

hari berjalan kaki sa-telah banguan suboh2 hari dan balek ka-Brunei petang itu berjalan kaki juga," kata Tuan Haji Ja'afar.



Inche Salleh (kiri) dan Pengiran Ahmad.

Bandar Brunei — Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Penolong Pegawai Penerangan, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom pada hari Rabu yang lalu untuk menghadiri kursus pertadbiran dan perkhidmatan awam.

Beliau akan berada di-United Kingdom sa-lama kira2 sa-tahun. Pada masa Inche Salleh berada di-luar negeri, jawatan-nya itu di-pangku oleh Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Penolong Pegawai Penerangan, Kuala Belait.

Inche Abu Bakar bin Ahmad, Pemangku Penyelia Rancangan2 Melayu, Radio Brunei telah berlepas ka-Australia baharu ini untuk menghadiri kursus mengenai siaran2 radio sa-lama kira2 tiga bulan.

Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, Pemangku Pegawai Daerah, Temburong telah berlepas ka-Canada pada minggu lepas untuk menghadiri kursus pertadbiran sa-lama sa-tahun.

Inche Ajmain bin Abdul Razak akan memangku jawatan Pengiran Ahmad itu sa-masa beliau berada di-Canada.

3,000 BERARAK MENYAMPUT MAULUD NABI

Sambutan hari keputeraan Nabi Besar Muhammad s.a.w. pada tahun ini di-sambut sa-chara besaran2 dan lebih meriah dari tahun2 yang lalu oleh sa-genap umat Islam di-Negeri Brunei dengan sambutan yang berlainan2—tetapi satu tujuan pada pokok-nya—ia-itu memperingati hari lahir Nabi Besar itu sambil mem-baharui tekad keislaman kita menurut ajaran yang di-anjor-kan oleh junjongan kita itu.

KEMANGKATAN

Tetapi berhubung dengan kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 1 September maka sambutan2 yang telah di-ranchangkan pada 3 September telah di-tunda pada 10 September di-Tutong, 11 September di-Bandar Brunei dan Temburong dan 18 September di-Kuala Belait.

Keseluruhan sambutan Maulud Nabi baik di-Bandar Brunei atau di-da'erah lain-nya, sa-lain perarakan berjalan dengan membawa chogan2 kata yang mengandongi ajaran2 Islam dan hadith2 Nabi Besar Muhammad s.a.w. sambil bernashid, bacaan Al-Koraan dan sharahan2 mengenai Nabi Besar Muhammad s.a.w. dan lain2 yang berhubung dengan ugama juga di-adakan.

Menjelang ka-tarikh hari ke-puteraan Nabi Besar Muhammad s.a.w. lebih kurang sa-lama 12 hari, sa-lama itu pada tiap2 malam di-adakan majlis berzikir di-masjid Omar Ali Saifuddin salain di-rumah2 orang2 Islam sa-chara persa-orangan sa-bagai tanda penghormatan dan membaharui tekad keislaman yang di-bawa oleh junjongan kita itu.

MAJLIS BERZIKIR

Duli Yang Maha Mulia atas nama peribadi baginda telah juga mengadakan majlis berzikir di-Istana Darul Hana dari awal bulan Rabi'ul Awal sa-hingga hari sambutan Maulud Nabi itu.

Lebih 3,000 orang kaum Islam telah mengambil bahagian dalam suatu perarakan sambutan Maulud Nabi yang berlangsung pada 11 September lepas mulai jam 2.30 petang di-pekarangan masjid besar Omar Ali Saifuddin.

Sa-jumlah 12 das meriam telah di-tembakkan ia-itu sa-bagai alamat perarakan berjalan sa-jurus sa-telah salawat di-bachakan, 6 das; dan tamat upacara sambutan itu di-akhiri dengan 6 das.

Sa-belum masa yang di-tetapkan itu, pekarangan masjid Omar Ali Saifuddin telah penuh sesak dengan orang2 lelaki dan perempuan yang terdiri dari orang tua dan kanak2

Sambutan Maulud Nabi dengan anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah berlangsung pada 11 September lepas di-pekarangan masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah hadir dalam upacara tersebut sa-lain Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Anak Haji Md. Salleh, Pengiran Kerma Indera Muhammad, Pegawai2 Ugama dan lebih 3,000 orang yang menyaksikan dan mengambil bahagian dalam suatu perarakan berjalan di-Bandar Brunei.

Sambutan Maulud Nabi yang saperti ini telah di-adakan sejak tahun 1953 dan ini ada-lah sambutan kali ke-8 di-Bandar Brunei.

Seluruh umat Islam di-Negeri Brunei telah menyambut Maulud Nabi itu dengan berzikir, perarakan berjalan yang terdiri dari orang2 kampung, pejabat2 kerajaan, murid2 sekolah Melayu dan sa-bilangan kecil orang2 Islam India dan Pakistan telah juga mengambil bahagian dalam sambutan tersebut.

yang menyaksikan sambutan Maulud Nabi yang meriah itu.

Suasana yang sa-rupa ini terdapat juga pada bangunan pejabat2 kerajaan dan kedai2 di-Bandar Brunei kerana ramai orang yang menyaksikan perarakan itu melalui jalan2 di-Bandar Brunei.

HUJAN RENYAI2

Sungguh pun hujan turun renyai2, namun perarakan itu berjalan terus sa-olah2 tiada mendapat apa2 gangguan.

Hampir 40 pasokan telah mengambil bahagian dalam perarakan itu dengan pakaian yang sa-ragam mengikut pasokan masing2. Pasokan2 itu berjalan sambil membawa chogan2 kata dan bernashid dengan langkah yang teratur. Ini, ada-lah suatu pemandangan yang menarik perhatian para penuntut.

Murid2 Sekolah Melayu Batu Marang telah mengadakan bacaan sha'er yang mengesahkan perjuangan Nabi Besar

Muhammad s.a.w. dalam mengembangkan ugama Islam sa-jurus sa-telah perarakan itu balek sa-mula ka-pekerangan masjid besar Omar Ali Saifuddin.

Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah baginda yang mengandongi "nashat2 yang berharga" dalam menjalani dunia dan akhirat, dan baginda menyeru ra'ayat dalam negeri ini supaya berpegang tegoh pada ajaran2 Islam supaya mencapai ketenteraman dan kesejahteraan hidup.

SEJARAH NABI

Sa-lain itu Yang Di-Mulia-kan Bagawan Khatib Haji Metali, kadhi Brunei telah berucap juga dalam perayaan sambutan Maulud Nabi itu tentang sejarah hidup Nabi Besar Muhammad s.a.w.

Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim, sa-laku setia usaha penerangan dalam sam-

butan Maulud Nabi itu telah berkata antara lain bahawa sambutan perarakan pada tahun ini ada-lah lebih meriah dari tahun2 yang lalu dengan ada-nya orang2 India dan Pakistan berchampur sama dalam perarakan itu.

Beliau telah menegaskan bahawa dengan ada-nya sambutan yang meriah dari kaum2 Islam itu ada-lah menunjukkan tekad yang satu menuju ke-luhuran ajaran2 Islam baik dimana mereka berada dengan mengikuti ajaran2 yang di-bawa Nabi Besar Muhammad s.a.w. itu.

DI-BATALKAN

Pengiran Md. Yusof menambahkan: "Sa-benar-nya sambutan ini patut di-adakan pada 3 September lepas, tetapi berhubung dengan sa-suatu hal, kerana kemangkatan Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu maka hari itu telah di-batalkan dan di-ganti dengan sambutan yang ada hari ini."


Beliau menjelaskan lagi bahawa tujuan perarakan itu bukan-lah maksud-nya untuk mencari kemenangan sa-mata2 tetapi sa-benar-nya ada-lah untuk merayakan hari lahir junjongan kita itu sambil mem-baharui tekad keislaman yang di-anjorkan oleh Nabi Besar itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara kepada pasokan2 yang berjaya dalam bahagian2 yang tertentu.

Perarakan Sekolah2 di-menangi oleh Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (1), Sekolah Melayu Lela Menchanai (2) dan Sekolah Tinggi Raja Isteri (3).

Perarakan Kampung2 dan Pejabat2 di-menangi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu

(Lihat muka 5)



Pemandangan dalam pekarangan mesjid.

Ranchangan lawatan Ketua Negara Singapura

BANDAR BRUNEI — Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Inche Mohamed Yusof bin Ishak, ada-lah di-jadulkan sampai dari Singapura ka-Brunei dengan kapal terbang pada pukul 12.35 tengah hari ini untuk mengadakan satu lawatan rasmi.

Inche Yusof akan datang bersama isteri-nya, Puan Noor Aishah dan Perdana Menteri Singapura, Yang Berhormat Tuan Lee Kuan Yew dan isteri-nya Puan Lee.

Kedatangan mereka itu ia-lah atas jemputan Duli Yang Maha Mulia.

Mereka akan berada di-Brunei sa-hingga 25 September.

Inche Yusof akan di-sambut di-lapangan terbang Berakas dengan satu perbarisan kehormatan dan tembakan meriam.

Dalam perjalanan dari lapangan terbang ka-rumah tumpangan di-Jalan Berakas, lebeh kurang satu batu jauh-nya, Inche Yusof akan di-alu2kan oleh murid2 sekolah dan pasokan2 sukarela yang akan berator di-sapang jalan dari lapangan terbang.

Menurut ranchangan yang telah di-atorkan Inche Yusof dan Puan Noor Aishah akan di-raikan dalam satu majlis perjamuan di-dewan Civic Centre pada malam hari sampai-nya.

Pada keesokan-nya mereka akan berangkat ka-Seria untuk melawat kawasan padang minyak.

Satu jamuan negara akan di-adakan pada malam itu di-dewan Civic Centre.

Inche Yusof akan menghad-

hiri istiadat perbarisan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-padang besar, Bandar



Inche Yusof (kanan) dan Tuan Lee Kuan Yew

Senarai pemenang2 dalam perarakan Maulud Nabi

(Dari muka 4)

(1), Kampong Kianggeh (2) dan Kampong Pengiran Pemanha Lama (3).

Bahagian Chogan Kata di-menangi oleh Sekolah Melayu Raja Isteri.

Bahagian Pakaian di-menangi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu.

Bahagian Jalan dan Barisan di-menangi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu.

Bahagian Salawat di-mena-

ngi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu.

Sambutan Malam Berzikir yang ramai sa-lama 12 malam di-masjid besar Omar Ali Saifuddin di-menangi oleh P.W.D. Bahagian Bangunan (1), P.W.D. Workshop (2) dan Pejabat Keamanan (3).

Piala Rebutan Bahagian Perarakan Sekolah2 di-menangi oleh Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Bahagian Kampong dan Pejabat di-menangi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu.

Brunei, pada pukul 8.05 pagi hari Juma'at.

Sa-lepas itu beliau akan hadir dalam istiadat mengadap di-Istana Darul Hana.

Lawatan beliau akan di-akhiri dengan satu majlis jamuan Diraja di-Istana Darul Hana malam 24 September.

Pada 24 September Inche Yusof di-jadualkan melawat SOAS College, Sekolah Tinggi Raja Isteri Fatimah, mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan pusat pertukangan Melayu Brunei.

Bertukar jawatan

BANDAR BRUNEI — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, sa-orang pegawai kanan dalam Perkhidmatan Pertadbiran Brunei telah di-lantek menjadi Pegawai Kawasan Perpindahan mulai 1 September.

Jawatan beliau sa-bagai Pegawai Daerah, Brunei dan Muara di-pangku oleh Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

30 GURU DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI — Tiga puluh empat orang guru2 agama dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu akan sampai di-sini untuk berkhidmat di-negeri ini tidak berapa lama lagi.

Kenyataan tersebut telah diterangkan oleh Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Sa'id, Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Agama, Negeri Brunei.

Tuan Haji Othman telah mengiringi Yang Berhormat Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Yang Dipertua, Hal Ehwal Agama, Negeri Brunei ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk memilih guru2 agama yang baharu bagi mengajar di-negeri ini.

Dalam bidang lawatan tersebut, beliau2 itu telah menemui 85

orang guru2 agama dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Di-antara bilangan tersebut, 34 orang telah di-pilih untuk berkhidmat di-negeri ini.

Pada masa ini 70 orang guru2 agama, kebanyakan-nya dari Persekutuan Tanah Melayu mengajar di-tiga puluh empat buah sekolah2 agama.

Sekolah2 agama itu bertempat di-ckolah2 Melayu di-Negeri Brunei dan masa belajar ia-lah pada tiap2 petang kechuali pada hari2 kelepasan sekolah2 Melayu.

ACHARA ISTIADAT MENGADAP DI-BALAI INDRA BUANA

BANDAR BRUNEI — Istiadat mengadap hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia akan di-mulakan di-Balai Indra Buana, Istana Darul Hana pada pukul 10 pagi hari Juma'at.

Dari sa'at itu sa-hingga pukul 10.25 tetamu akan menunggu keberangkatan Duli Yang Maha Mulia di-tempat yang di-sediakan.

Duli Yang Maha Mulia akan berangkat ka-Balai pada pukul 10.30.

Pada pukul 10.35 Duli Yang Maha Mulia akan mengurniakan pingat2 dan bintang2 kebesaran.

Sa-lepas itu ucapan2 akan di-sembahkan saperti berikut:

(a) Yang Amat Berhormat Menteri Besar (sa-bagai wakil ra'ayat dan Kerajaan).

(b) Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi British.

(c) Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha (sa-bagai wakil Menteri2).

(d) Persembahan ucapan dari wakil2 persekutuan, wakil kaum dan lain2 (di-sembahkan sahaja tidak di-bacha).

(e) Do'a selamat di-bacha oleh pegawai agama Brunei.

(f) Jamuan ringan di-hidangkan di-Pemajangan Diraja.

LUMBA PERAHU ANTARA BANGSA


KUALA BELAIT. — Perlumbaan perahu layar antara beberapa pelabohan di-Asia Tenggara akan di-adakan di-Kuala Belait pada bulan hadapan.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perlumbaan itu ia-lah dari Kuala Belait, Singapura, Hongkong, Pulau Pinang dan Saigon.

Perlumbaan itu di-adakan pada tiap2 tahun di-negeri2 tersebut bergilir2.

Pada tahun lepas perlumbaan itu telah di-adakan di-Hongkong.

Dalam perlumbaan di-Hongkong itu, Royal Singapore Yacht Club telah menjadi johan manakala gelaran naib johan di-menangi oleh pasokan Miri-Belait Boat Club.



bahagian dan kan di-sekolah2

Kerja membanchi penduduk2 negeri telah selesai. Ketua2 Penyelia Banchi telah menyemak butir2 banchi bersama Pengarah Banchi Kawasan2 British Borneo, Tuan L. W. Jones dan Pengelola Banchi Brunei, Inche Matnoor MacAfee

Bendera Brunei sekarang tetap bentok-nya

Bendera Negeri Brunei dalam bentok-nya yang ada sekarang kecuali lambang-nya telah di-gunakan semenjak tahun 1906 tatkala Brunei menjadi sa-buah negara naungan berikutan dengan satu perjanjian yang di-tanda tangani di-antara Brunei dengan Great Britain. Lambang itu telah di-tekatkan dalam tahun 1959 sa-lepas pemashhoran perlembagaan yang bertarikh 29 September.

Sa-belum tahun 1906 Brunei tiada mempunyai bendera kebangsaan tetapi bendera2 persaorangan atau panji2 peribadi banyak di-gunakan. Di-antara bendera2 persaorangan ini, bendera2 Sultan dan wazir2-lah yang mustahak sa-kali.

Pada zaman dahulu kala, Brunei mempunyai empat orang wazir atau pembesar2 negara yang terutama yang di-berikan kuasa2 pemerintahan dan pertadbiran oleh Sultan mengikut pangkat masing2.

Di-antara wazir2, yang kanan sa-kali ia-lah Pengiran Bendahara, Wazir2 yang tiga orang lagi, jika mengikut kebesaran pangkat masing2 ia-lah Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong.

Bendera peribadi Pengiran Bendahara ia-lah putih, warna hijau untuk Pengiran Digadong, hitam untuk Pengiran Pemancha dan merah untuk Pengiran Temenggong.

Pegawai2 rendah yang di-kenali sa-bagai cheteria ada juga mempunyai bendera2 peribadi masing2 yang di-anugerahkan oleh Sultan kepada mereka, bagitu-lah juga keadaan-nya mengenai pengiran2 dan raayat. Bendera2 itu dapat di-kenali mengikut bentok dan warna-nya yang berbeza2 itu.

Tatkala Brunei menanda tangani perjanjian tahun 1906, maka ada-lah di-sadari bahawa negeri ini mesti-lah mempunyai satu bendera negara supaya sa-lari dengan negara2 yang lain.

Chadangan2 telah di-kemukakan dan rajah2 telah di-buat tentang bendera yang di-rancangan itu. Akhir-nya bentok bendera yang ada sekarang yang berwarna kuning, putih dan hitam telah di-persetujui.

Pemilihan atas warna2 ini ia-lah sa-bagai satu tanda untuk membuktikan bahawa pehak2 yang memberi persetujuan atas perjanjian itu ia-itu Sultan, Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha yang warna masing2 ia-itu kuning, putih dan hitam telah di-satukan dalam bendera baharu itu.

Sebab2 warna bendera wazir2 yang lain tidak di-masokkan ka-dalam bendera baharu itu ia-lah kerana pada masa itu hanya dua orang wazir sahaja yang maseh hidup ia-itu yang menanda tangani perjanjian itu. Pengiran Digadong dan Pengiran Temenggong telah mangkat dan jawatan mereka belum di-penuhi lagi. Semenjak itu Brunei mempunyai dua orang wazir sahaja ia-itu Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha.

Sa-lepas pengi'tirafan ka-atas bendera negara, maka bendera2

yang sa-memang tersedia di-pakai telah terus di-guna dan di-kibarkan pada hari2 istiadat negara untuk mengetahui pangkat sa-saorang. Bendera negara yang baharu itu telah di-kibarkan di-pejabat2 kerajaan dan oleh orang2 yang bukan raayat Brunei.

Bendera yang berbagai2 jenis itu telah di-kurangkan bilangannya sa-lepas pemashhoran perlembagaan yang bertarikh 29 September, 1959 supaya sedikit sahaja jumlah-nya bendera2 yang di-kibarkan pada hari istiadat negara.

DI-HAPUSKAN

Sa-lain dari bendera2 persaorangan yang di-benarkan khas oleh Sultan untuk terus di-gunakan, maka bendera2 persaorangan untuk raayat dan juga pengiran2 kebanyakan telah di-hapuskan. Mereka sekarang menggunakan bendera negara pada hari2 istiadat negara.

Di-antara pengiran2 dan orang2 besar yang di-beri kebesaran menggunakan bendera2 peribadi ia-lah:—

- ◆ Keturunan Sultan2 sampai ka-piut.
- ◆ Keturunan Wazir2 sampai ka-chichit.
- ◆ Anak dan chuchu kepada cheteria2, dan
- ◆ Menteri2 sampai ka-Damong.

Bendera2 peribadi mereka telah di-ubah dengan menambah lambang negara yang berwarna merah di-atas tanah kuning pada penjuru atas sa-belah kiri bendera itu.

Berikutan dengan pemashhoran perlembagaan, beberapa perubahan telah di-laksanakan ka-atas bendera2 peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Sekarang bendera peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan berwarna kuning dengan termasuk ka-dalam-nya lambang Diraja yang berupa dua ekor kucing emas di-atas tanah merah dan letak-nya di-tengah2 bendera.

Bendera Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri berwarna kuning muda dan termasuk ka-dalam-nya lambang Diraja yang berupa dua ekor kucing emas itu di-atas tanah merah dan letak-nya di-tengah2 bendera.

Bendera negara yang berben-

tok empat persegi panjang tepat ada-lah di-bahagi kepada empat bahagian—2 empat persegi panjang chondong dan 2 empat persegi panjang ganjil. Terbentang melintang empat persegi panjang tepat itu ia-lah sa-buah empat persegi panjang chondong yang di-mulakan 2½ inchi ka-bawah dari sudut atas sa-belah kiri menghala ka-sabelah kanan ka-bawah yang jarak-nya 2½ inchi juga dari bawah sa-belah kanan.

UKORAN BENDERA

Ukuran bendera biasa ia-lah 72 inchi panjang dan 36 inchi lebar.

Empat persegi chondong yang membahagi empat persegi tepat itu telah menjadikan dua empat persegi ganjil, ia-itu satu di-sabelah atas bendera itu dan satu lagi di-sabelah bawah dan yang di-bawah-nya bertentangan bentok-nya dengan yang di-sabelah atas.

Empat persegi chondong itu di-bahagi kepada dua bahagian lagi yang tidak sama besar-nya ia-itu yang sa-belah atas lebih satu inchi lebar-nya dari yang sa-belah bawah yang 7½ inchi lebar-nya.

Di-tengah2 bendera itu di-masokkan lambang negara yang berwarna merah.

Jari2 telunjuk pada tangan2 yang tegak ka-atas menjunjong lambang yang berwarna merah itu ada-lah sama jarak-nya dari kiri kanan tepi bendera itu, ia-itu 24 inchi.

CHOGAN KATA

Chogan kata negara ada-lah di-satukan dalam lambang itu. Di-tulis dalam bahasa Arab dengan berwarna kuning ia-nya bermaana "Sentiasa membuat kebajikan dengan pertunjak".

Empat jenis warna telah di-masokkan ka-dalam bendera itu, merah untuk lambang, kuning untuk empat persegi ganjil, putih untuk empat persegi chondong di-atas dan hitam untuk empat persegi chondong di-bawah.

PENUNTUT2 BALEK KA-ENGLAND SA-TELAH BERCHUTI

BANDAR BRUNEI — Enam belas orang pemuda pemudi Brunei yang baharu2 ini balek ka-tanah ayer dari United Kingdom kerana berchuti akan berlepas balek ka-United Kingdom untuk meneruskan pelajaran dalam minggu ini.

Antara mereka itu ia-lah Isa bin Haji Ibrahim, anakanda Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim, yang di-jangka akan lulus dalam ilmu undang2 tidak lama lagi.

Penuntut2 yang lain yang akan balek meneruskan pelajaran mereka ia-lah tujuh orang yang belajar di-Milfield College, Sussex dan delapan orang yang dahulu-nya belajar di-Woodchester Park School.

Penuntut2 dari Woodchester Park School itu akan di-pindahkan ka-sabua sekolah yang lain kelak.

Langkah itu telah di-ambil berikutan dengan beberapa pengaduan daripada penuntut2 itu bahawa sekolah Woodchester Park School itu tidak sa-suai bagi mereka

Penuntut2 yang akan balek menruskan pelajaran itu ia-lah:

Zakaria bin Noordin, Selamat bin Munap, Saleh bin Abdul Jalil, Adnan bin Marsal, Othman bin Haji Ya'akob, Mohamed Sunny bin Hussin dan Hanafiah (Milfield).

Abdul Aziz bin Haji Omar, Zakaria bin Sulaiman, Zaharah binti Idris, Rosli bin Umar, Mohamed Ali bin Mohamed Daud, Adnan bin Haji Abu Bakar dan Jusnani binti Lawie (bekas Woodchester).



Puspa Ragam Orchestra, Bandar Brunei, suatu pancharagam yang terkenal di-negeri ini biasa bermain melalui Radio Brunei dan mengambil bahagian di-beberapa majlis suka-ria di-sini. Dudok di-kiri sa-kali ia-lah Inche Ibrahim Yahya, pengetua dan pengelola, dan di-kanan sa-kali ia-lah Inche Basel Malujang, pemimpin pancharagam itu.

Keputusan pertandingan Mister Brunei

BANDAR BRUNEI — Lim Chong Yeu dari Bandar Brunei telah berjaya memenangi gelaran "Mister Brunei Tahun 1960" dalam satu pertandingan di-Dewan Civic Centre pada malam Ahad yang lalu.

Gelaran "Junior Mister Brunei Tahun 1960" telah di-menangi oleh Yunus Tudin dari Bandar Brunei juga.

Pertandingan tersebut telah di-adakan sa-bagai satu acara sambutan hari ulang tahun ke-puteraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Antara ramai orang yang hadir di-temasha itu ia-lah Pemangku Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Dato Ian Belloch dan beberapa orang pegawai Kerajaan.

Di-samping pertandingan tersebut, para hadirin telah di-

hiborkan dengan bunyian2 yang merdu dan sukaramai oleh Panchagam Puspa Ragam yang diketuai oleh Inche Ibrahim Yahya dan di-pimpin oleh Inche Basil Malujang.

Temasha tersebut telah di-sulami dengan tari menari sa-chara timor dan barat.

Tujuh orang telah bertanding dalam Pertandingan Mister Brunei dan tujuh orang dalam pertandingan Junior Mister Brunei.

Gelaran naib johan Mister Brunei telah di-menangi oleh Sergeant Pengiran Mohamed bin Pengiran Mustapha dan di-turut oleh Tan Mook Kiong.

Gelaran naib johan Junior Mister Brunei telah di-menangi oleh S.B. Nomal dan Baba Ahmad telah memenangi gelaran yang ketiga.

Pengadil2 dalam pertandingan itu ialah Pemangku Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Dato Ian Belloch Tuan Palaniandy dan Tuan Mitchell.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Dato Belloch.



Orang2 yang telah berjaya dalam pertandingan "Mister Brunei dan Junior Mister Brunei Tahun 1960" yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei baharu2 ini. Nombor tiga dari kiri ia-lah Lim Chong Yeu yang memenangi gelaran sa-bagai "Mister Brunei" dan di-sabelahnya ia-lah Yunus bin Tudin yang telah memenangi gelaran "Junior Mister Brunei".

SEKOLAH2 MELAYU SA-RENTAK MENYAMBUT "HARI SUKAN"

BANDAR BRUNEI—Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah menyambut "Hari Sukan" pada hari Rabu yang lalu di-sekolah masing2.

Pertandingan itu terbuka hanya kepada murid2 laki2 dan perempuan di-tiap2 buah sekolah Melayu dalam negeri ini.

Berbagai2 jenis pertandingan telah di-adakan dan peserta2 yang berjaya dalam tiap2 perlawanan akan mewakili sekolah masing2 dalam pertandingan sukan sa-negeri tidak berapa lama lagi.

Pertandingan sukan itu akan di-adakan di-Padang Bandar Brunei pada 1 October.

Menurut keterangan Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusuf, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei pertandingan senaman yang telah di-adakan pada tiap2 tahun semenjak dua puluh tahun yang lalu telah di-hapuskan pada tahun ini.

Sa-balek-nya satu hari dinamai "Hari Sukan" telah di-adakan bagi semua sekolah Melayu dalam Negeri Brunei pada hari Rabu 14 September.

Pada temasha tersebut semua murid2 laki2 dan perempuan telah di-beri peluang mengambil bahagian dalam pertandingan sukan di-sekolah2 mereka.

Orang2 yang berjaya dalam tiap2 pertandingan di-sekolah masing2 akan mewakili sekolah mereka dalam pertandingan akhir di-Bandar Brunei kelak.

Pada "Hari Sukan" itu pega-

wai2 dari Jabatan Pelajaran Brunei telah melawat ka-beberapa buah sekolah Melayu kerana menyaksikan kanak2 yang begitu ramai bertanding.

SOAS kalahkan PWD Brunei

BANDAR BRUNEI — Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah mengalahkan P.W.D. Kuala Belait dengan satu gol tidak berbalas dalam pertandingan akhir hokey untuk merebutkan Piala Gwyn Roberts.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada hari Jumaat yang lalu dan di-saksikan oleh ramai penggemar2 hokey.

Gol yang tunggal dalam pertandingan tersebut telah di-jaringkan bagi pihak Sultan Omar Ali Saifuddin College oleh Abdullah Jaafar.

JOHAN PANCHAK SILAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Yahya bin Metusin dari Kampong Peramu telah memenangi gelaran johan panchak silat Bahagian Brunei yang telah di-langsungkan di-Dewan Civic Centre baharu2 ini.

Gelaran naib johan pertandingan tersebut telah di-menangi oleh Haji Salleh bin Mohamed dari Kampong Saba Laut.

Pertandingan itu telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan peminat2 panchak silat.

Empat orang ahli2 panchak silat telah menghakimkan pertandingan tersebut dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Idris bin Metusin mengalahkan Sahat bin Ladis; Othman bin Ali mengalahkan Awang Bakar bin Salleh; Yahya bin Metusin mengalahkan Awang Abdullah bin Chuchu; Haji Salleh bin Mohamed mengalahkan Basir bin Daud; Tinggal bin Mohamed mengalahkan Salim bin Rashid; Bakir bin Jamaluddin mengalahkan Awang Moxsin bin Chuchu; Mohamed Yusof bin Metusin mengalahkan Piut bin Jahfar; dan Awang Ibrahim bin Sulaiman mengalahkan Mohamed bin Damong Sapar.

Dengan kemenangan-nya dalam pertandingan panchak silat itu, Yahya bin Metusin telah dipilih mewakili Bahagian Brunei dalam pertandingan panchak silat sa-negeri yang akan di-langsungkan di-kawasan Istana Darul Hana pada masa sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Awang Idris bin Metusin dari Kampong Peramu telah menjadi johan dalam pertandingan kuntau bahagian Brunei.



P.W.D. Workshops Bandar Brunei dan Pulis telah berjaya memenangi bersama piala perak pertandingan bola sepak bahagian pertama antara pasukan2 di-bandar ini baharu2 ini.

Pertandingan yang hebat itu telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei dan di-saksikan oleh kira2 2,000 orang penggemar2 bola sepak.

Sejak perlawanan di-mulai sa-hingga tamat pertandingan itu, kedua2 pasukan telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun.

Meskipun pengadil pertandingan itu, Pengiran Salleh telah melanjutkan masa sa-lama 10 minit, tetapi keputusan-nya sa-bagaimana tersebut juga.

Ahli2 pasukan2 Pulis dan Workshop bergambar ramai sa-telah pertandingan tamat. Berdiri di-tengah ia-lah pengadil, Pengiran Salleh.

Kerajaan Persekutuan akui kebudayaan Melayu

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman telah mengumumkan di Dewan Ra'ayat bahawa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyetujui dan menerima kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan kebangsaan negeri ini.

MENGUSUDKAN

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sentiasa berusaha untuk mengujudkan satu kebudayaan kebangsaan yang tunggal di-Ma-

laya, dan memajukan-nya, tegas Perdana Menteri itu.

"Sungguh pun kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu, namun kebudayaan orang2 lain yang dudok di-Tanah Melayu ini ada-lah juga menjadi unsur perkembangan kebudayaan kebangsaan", kata Tengku.

Perdana Menteri itu menambah kata lagi bahawa bermacham2 langkah telah di-ambil untuk memajukan kebudayaan ke-

bangsaan ini, seperti mengadakan pesta, mengadakan gedung seni dan museum negara, melancarkan minggu bahasa, mengadakan rundingan dengan Indonesia berkenaan bahasa dan lain2 lagi.

Kata Tengku: "Kerajaan juga memberi bantuan wang kepada badan2 yang betul2 berusaha memaju dan mengembangkan kebudayaan kebangsaan Tanah Melayu".

Sa-terus-nya Perdana Menteri Persekutuan itu menjelaskan bahawa perkara kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan nasional tidak mustahak di-ishtiharkan kerana sudah sedia di-malam oleh ramai.

Tengku menerangkan lagi bahawa Pejabat Perdana Menteri ada-lah bertanggung jawab untuk mengelolakan hal ehwal berkenaan kebudayaan.

"Oleh kerana kebudayaan ini tersangat luas maka Kementerian Pelajaran pun ada juga bersama2 mengambil bahagian yang besar dalam hal ehwal kebudayaan", kata Tengku.

KUATKAN KAWALAN SEMPADAN JAKARTA

JAKARTA. — Indonesia telah memperkuat kawalan sempadan-nya di-daerah Barat Kalimantan dengan Sarawak.

Berita itu menyatakan bahawa pengawalan baharu itu telah mengurangkan tindakan2 menyeludup getah ka-perengkat yang sahabis kecil sa-kali, dan harga getah di-Barat Kalimantan Indonesia telah pun jatuh daripada 40 rupiah kepada 16 rupiah pada tiap2 satu kilogram.

Satu makallah akhbar menche-ritakan bahawa pasokan2 perun da sempadan itu "harus tidak boleh di-tembusi oleh penyeludup2."

Berita itu menyatakan bahawa barang2 kene'matan dari luar negeri yang biasa-nya menawan hati pelanggan2, tidak dapat lagi memberi apa2 kesan.

Pergerakan bebas dari suku2 Dayak menyeberangi sempadan sudah dapat di-chehah.

Persidangan agong Bangsa2 Bersatu di-mulakan esok

NEW YORK — Setiausaha Negara Amerika Sharikat, Tuan Christian Herter, berharap akan dapat memberi ucapan di-Persidangan Agong Bangsa2 Bersatu pada 22 September demikianlah di-umumkan oleh pegawai2 di-Washington.

Bahawa tidak-lah di-ketahui sama ada Perdana Menteri Russia, Tuan Nikita Khrushchev akan memberi ucapan nanti. Beliau sekarang sedang belayar dengan kapal Russia, Baltika, menghala ka-New York di-mana beliau akan mengetuai rombongan Soviet ka-persidangan tersebut.

Presiden Tito dari Yugoslavia telah bertolak dari Belgrade dalam perjalanan beliau di-perengkat pertama ka-New York sa-bagai mengetuai rombongan Yugoslavia ka-persidangan tersebut. Ini ialah lawatan pertama bagi Presiden Tito ka-Amerika Sharikat.

MENGHADHIRI

Lain2 ketua negara yang akan menghadhiri persidangan Agong Bangsa2 Bersatu yang akan datang ini termasuk-lah Presiden Kwame Nkrumah dari Ghana, Presiden Nasser dari Persatuan Republik Arab, Presiden Sukarno dari Indonesia dan Prince Norodom Sihanouk, Ketua Negara Cambodia.

Perdana Menteri India, Tuan Jawaharlal Nehru dan Presiden Sekou Toure dari Guinea serta Perdana Menteri Burma, Tuan U Nu ada-lah di-jangka akan hadir juga.

Rombongan British ka-Persidangan Agong Bangsa2 Bersatu yang ahli2-nya telah di-umumkan di-London akan mengandungi dua orang penasihat khas untuk membuat perhubungan2 dengan rombongan2 dari Latin Amerika dan Afrika.

ROMBONGAN

Rombongan British itu akan di-ketuai oleh Setiausaha Luar Negeri, Earl of Home, yang telah kembali ka-London dari berchuti di-Scotland.

Timbalan ketua ia-lah Tuan David Ormsby-Gore ia-itu Menteri Negara di-Jabatan Kementerian Luar dan juga ahli perun-

dingan British yang kanan mengenai perlucutan senjata dan ujian bom atom.

Tatkala menjawab soalan2 di-satu persidangan akhbar, juruchakap Kementerian Luar berkata bahawa beliau tidak mengetahui akan apa2 ranchangan untuk Perdana Menteri, Tuan Harold Macmillan pergi ka-New York bagi menghadhiri persidangan tersebut.

GURU2 YANG BERLATEH DI-LUAR NEGERI DI-LARANG BERKAHWIN

KUALA LUMPUR. — Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Rahman bin Haji Talib berkata di-sini bahawa guru2 Malaya yang berlateh di-seberang laut tidak di-benarkan berkahwin dengan orang2 asing.

Perkara ini beliau membayangkan ia-lah mengikut suatu perentah kerajaan.

Inche Abdul Rahman berkata bahawa perkahwinan yang sa-

umpama itu tidak-lah menguntungkan negara.

Beliau menambahkan bahawa sungguh pun banyak orang yang nampak-nya tidak sedar bahawa peratoran2 mengenai perkara ini sudah ada tetapi yang berkaitan dengan guru2 yang sedang berlateh di-seberang laut, beliau berfikir bahawa tidak-lah mustahak di-buat suatu undang2 baharu yang sa-umpama itu lagi.

TIDAK BERKUASA

Menteri itu berkata bahawa kerajaan tiada mempunyai kuasa atas perkahwinan2 yang di-langsungkan oleh penuntut2 yang menuntut dengan perbelanjaan sendiri.

Peraduan menembak

JESSELTON. — Pasokan Polis Borneo Utara telah mendapat kemenangan bagi kali pertama-nya semenjak tahun 1958 dalam perlawanan tembak antara pasokan2 polis kawasan2 British Borneo.

Dalam pertandingan itu Borneo Utara telah mendapat 590 mata, ia-itu mata yang tinggi sa-kali yang pernah di-dapati oleh satu pasokan semenjak perlawanan di-jalankan.

Pasokan Sarawak Constabulary telah mendapat 578 mata dan Brunei 568 mata.

PENGHARAMAN PARTI2 POLITIK:

AKIBAT GERAKAN2 KOMUNIS

JAKARTA. — Presiden Sukarno telah mengharamkan semua pergerakan politik buat sementara waktu di-seluruh Indonesia.

Ini berikutan dengan satu pengharaman yang telah dikenakan oleh pihak berkuasa tentera tempatan ka-atas gerakan parti komunis di-Selatan Kalimantan, Selatan Sumatra dan Selatan Sulawesi.

Keputusan Presiden itu telah di-keluarkan sa-bagai "satu peratoran pentadbir teragong tentera."

Radio Jakarta mengumumkan bahawa Menteri Keselamatan Negara merangkap Ketua Turus Tentera Darat, General Abdul Haris Nasution, telah memberitahu semua pentadbir2 tentera daerah akan peratoran baharu ini.

Pentadbir2 tentera dan rakan2 sa-jawat mereka di-bahagian awam telah di-panggil ka-Jakarta oleh Presiden sa-lepas tindakan2 terhadap komunis2 di-Selatan Sumatra, Selatan Kalimantan dan Selatan Sulawesi di-lakukan.

Pergerakan politik yang di-haramkan itu ia-lah sa-barang tindakan oleh sa-saorang atau beberapa orang—sama ada terang2 atau dalam sulit — yang mempunyai satu2 maksud politik yang mungkin sa-chara langsung atau tidak langsung mempengaruhi dasar negara.

Tindakan politik oleh lembaga2 kerajaan di-kecualikan dari larangan itu.

Mereka yang melanggar perentah itu harus di-hukum penjara sa-lama sembilan bulan atau pun di-denda 20,000 Rupiah (kira \$1,360).